


# SASAR TINGKAT FFB SAWIT

● BISNES B3



# TH Plantations tingkat FFB sawit

» *Fenomena El Nino diramal tak jejas prestasi syarikat*

Oleh Ahmad Fiesal Othman  
fsal@bh.com.my

**T**H Plantations Bhd menyasar untuk meningkatkan hasil pengeluaran tandan buah segar (FFB) sawit kepada 1.3 juta tan menjelang 2017.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zainal Azwar Aminuddin, berkata peningkatan itu mewakili kadar pertumbuhan purata (CAGR) sebanyak 12 peratus setahun yang mana tahun ini ia menyasar pengeluaran purata sebanyak 22 tan sehektar.

Beliau berkata, prestasi pengeluaran terbaik dicatatkan oleh TH Plantations ialah tahun lalu yang mana ia mencatatkan kadar purata pengeluaran FFB sebanyak 23.86 sehektar dengan ladang di Sarawak yang kini seluas 52,00 hektar adalah penyumbang hasil terbesar untuk kumpulan itu.

“Tahun ini, sumbangan dari Sarawak dijangka 44 peratus dan menjelang 2017, ia dijangka berkembang kepada 66 peratus,” katanya

kepada pemberita selepas mesyuarat agung tahunan TH Plantations di Kuala Lumpur, semalam.

TH Plantations mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM5.61 juta untuk suku pertama berakhir 31 Mac 2014, peningkatan 75.3 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu didorong oleh harga minyak sawit mentah (CPO) yang tinggi.

Pendapatannya untuk tempoh berkenaan turut meningkat 38.9 peratus kepada RM124.24 juta dibantu oleh pertumbuhan lapan peratus dalam pengeluaran FFB yang meningkatkan pengeluaran CPO sebanyak 34 peratus.

#### Prestasi masih stabil

Mengenai kesan fenomena El Nino yang diramal bakal melanda, Zainal Azwar berkata, TH Plantations menjangkakan prestasi syarikat tidak akan terjejas tahun ini dan masih stabil.

Beliau berkata, sekalipun El Nino melanda, kesannya tidak akan dirasai serta-merta kerana ia akan hanya memberi kesan ketara dalam tempoh satu hingga dua tahun kemudian.

“Ramai penganalisis meramal akan berlaku fenomena El Nino, tetapi setakat ini hujan hampir setiap hari dan jika ia berlaku, kesannya hanya dirasai pada 2015 dan ke atas kerana ia akan memberi kesan terhadap penghasi-



“*Tahun ini, sumbangan dari Sarawak dijangka 44 peratus dan menjelang 2017, ia dijangka berkembang kepada 66 peratus*”

**Zainal Azwar Aminuddin,**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
TH Plantations Bhd

lan buah sawit dalam tempoh 24 bulan,” katanya.

Zainal Azwar berkata, sekitaranya fenomena El Nino berlaku, ia dijangka menyebabkan hasil pengeluaran dari ladang kumpulan itu merosot sekitar 10 hingga 15 peratus.

“Jika ia (El Nino) berlaku, ia akan memberi kesan terhadap bekalan dan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan saya jangka ini akan meningkatkan harga secara purata kepada antara RM2,500 hingga RM2,600 satu tan,” katanya.